



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YBHG. DATO' JAAFAR SIDEK BIN HJ. ABDUL RAHMAN
KETUA PENGARAH
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

SEMPENA

**BICARA BAHASA KOLOKIAL:
MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI
"MOH BUGHAK BAHASO NOGORI"**

15 JULAI 2024 (ISNIN)

9.00 PAGI

**HOTEL ROYALE CHULAN SEREMBAN
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalaamu`alaikum warahmatullahi wabarakaatuh

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Perpaduan dan Salam Arkib Inti Pati Masa.

SALUTASI

Salutasi terkini akan dikemukakan pada hari program.

PENGHARGAAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di Hotel Royale Chulan Seremban bagi menjayakan program pada hari ini. Program ini lebih berseri dengan kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom, Pengerusi Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia dan barisan Tokoh Pembicara dan Pengerusi Sesi yang bukan calang-calang orangnya. Terima kasih saya ucapkan atas atas kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan semua. Tidak saya lupakan juga para dif kehormat dan hadirin yang dapat meluangkan masa menyertai program ini, sama ada yang hadir di dewan ini mahupun yang sedang mengikuti penstriman langsung melalui ArkibTV Youtube Channel dan Facebook Arkib Negara Malaysia.

2. Program Bicara Bahasa Kolokial ini merupakan siri yang kesembilan dilaksanakan oleh Arkib Negara Malaysia. Program ini telah diadakan bermula pada tahun 2023 lagi dengan melibatkan lima negeri, iaitu Pahang (13 Julai 2023), Sabah (21 September 2023), Perak (26 Oktober 2023), Sarawak (9 November 2023) dan Perlis yang merangkumi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang (14 November 2023). Bagi melengkapkan penjelajahan ke semua negeri, saya dimaklumkan hanya berbaki dua negeri lagi yang belum dilaksanakan pada tahun 2024, iaitu Melaka dan Johor. Manakala Kelantan menjadi pembuka tirai pelaksanaan pada tahun 2024, iaitu dilaksanakan pada 5 Mac 2024, Selangor (6 Jun 2024), Terengganu (25 Jun 2024) dan pada hari ini kita berbicara mengenai bahasa kolokial Negeri Sembilan pula, sebelum kemuncak pembicaraan bahasa kolokial, iaitu Konvensyen Kebangsaan Bahasa Kolokial yang akan diadakan pada 15-16 Oktober 2024. Konvensyen ini dijangka akan menghimpunkan para pengkaji, sasterawan, pengamal budaya dan orang ramai untuk membincangkan dan mencari kesepakatan bagi melestarikan keberdayaan bahasa komuniti. Hasil dapatan semua siri penganjuran Bicara Bahasa Kolokial dan Konvensyen akan dirangkumkan dan diterbitkan dalam bentuk Daftar Kata Bahasa Kolokial atau Ensiklopedia Bahasa Kolokial dan Prosiding Konvensyen Bahasa

Kolokial, selain daripada bahan rakaman dalam bentuk video yang boleh dirujuk dan ditelaah oleh orang ramai.

INISIATIF PENDOKUMENTASIAN BAHASA KOLOKIAL UNTUK RUJUKAN GENERASI AKAN DATANG

Dif-dif kehormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

3. Bahasa Kolokial menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud “bersifat bahasa percakapan atau bahasa basahan (bukan bahasa baku)”. Za’aba pula mentakrifkan bahasa kolokial sebagai bahasa mulut. Bahasa kolokial ini biasanya digunakan dalam percakapan sehari-hari antara rakan-rakan atau keluarga, berbeza dengan bahasa formal yang digunakan dalam situasi rasmi atau profesional. Bahasa ini tidak mementingkan peraturan bahasa sebaliknya lebih mementingkan kefahaman dan kemesraan antara penutur dan pendengar.
4. Bahasa kolokial memainkan peranan penting dalam membina identiti budaya dan kesepaduan sosial, sambil mengekalkan warisan linguistik dan kepelbagaian bahasa dalam sesebuah masyarakat. Konstruksi penggunaan bahasa menunjukkan kedinamikan penutur dan sistem sosial masyarakat mempengaruhi perlakuan penutur yang

akhirnya melahirkan bentuk dan jenis bahasa yang memperkayakan variasi sesebuah bahasa. Oleh sebab itu, penganjuran Bicara Bahasa Kolokial ini diharapkan berupaya mengetengahkan bahasa dan budaya pelbagai kaum dan etnik di negara ini.

5. Untuk mencapai objektif program dan mendokumentasikan kepelbagaian bahasa kolokial di setiap negeri, Arkib Negara Malaysia meneruskan siri eksplorasi penganjuran Bicara Bahasa Kolokial yang diadakan sejak tahun lepas ini di Negeri Sembilan dengan membawakan tema “Moh Bughak Bahaso Nogori”. Tema yang dipilih ini merumuskan keistimewaan, keunikan dan kepelbagaian bahasa kolokial yang terdapat di Negeri Sembilan yang perlu dijaga, dikembangkan dan dilestarikan kerana ia adalah warisan khazanah negara yang tidak ternilai.

PROSPEK INISIATIF PENDOKUMENTASIAN ARKIB NEGARA MALAYSIA

Dif-dif kehormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

6. Untuk makluman, program bicara seumpama ini bukanlah program yang asing buat Arkib Negara Malaysia. Kami

menganjurkan program ini secara konsisten sejak tahun 1970an lagi dengan pelbagai konsep dan format. Ini juga merupakan salah satu *signature programme* Arkib Negara Malaysia yang telah menampilkan lebih 1,500 orang tokoh dalam lebih 250 program.

7. Tujuan utama Arkib Negara Malaysia menganjurkan program sebegini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mengesan, mengumpul, mendokumentasi dan memelihara maklumat sejarah, budaya dan warisan negara. Inisiatif ini juga secara langsung dapat membantu mengisi kelompongan sumber rujukan pensejarahan dan kebudayaan diterokainegara kerana ia juga merupakan sebahagian daripada sumber rujukan sahih dan boleh dipercayai.
8. Proses pendokumentasian ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak, oleh itu perkongsian pintar dan hubungan dua hala antara Arkib Negara Malaysia dan orang awam sama ada orang perseorangan, ahli akademik mahupun persatuan atau pertubuhan bukan kerajaan amatlah dihargai. Kami percaya masih banyak lagi maklumat berharga berkenaan bahasa kolokial yang belum diterokai, dikumpul dan dipelihara. Masih banyak bahasa tempatan atau dialek etnik dan suku kaum yang belum didokumentasikan dan diterbitkan. Sesungguhnya, usaha ini

memerlukan pengemblengan tenaga semua pihak. Arkib Negara Malaysia sedia bekerjasama dengan orang perseorangan, pertubuhan mahupun agensi kerajaan yang berminat agar usaha kolektif ini dapat menatijahkan impak yang lebih besar dan berkesan demi kelangsungan dan kelestarian budaya negara kekal terpelihara.

9. Selain daripada itu, Arkib Negara Malaysia juga bertanggungjawab mengesan, mengumpul dan memelihara maklumat-maklumat sejarah dan budaya negara yang terdapat dalam simpanan orang perseorangan dan organisasi atau badan bukan kerajaan untuk dirujuk dan disebarluaskan kepada masyarakat. Oleh itu, ayuhlah bekerjasama dengan kami untuk memastikan sumber-sumber berharga ini dapat terus disimpan, dipelihara dan dipulihara dengan betul dan sistematik supaya ia boleh dirujuk dan disebarluaskan kepada generasi kini dan akan datang.
10. Arkib Negara Malaysia juga menyediakan kemudahan rujukan terhadap bahan arkib dalam simpanannya. Selain daripada kunjungan ke premis Arkib Negara Malaysia, bahan-bahan ini boleh dirujuk secara dalam talian melalui sistem Online Finding Aid (OFA). Sehingga kini, Arkib Negara Malaysia menyimpan 21,425 bahan arkib berkenaan

Negeri Sembilan yang terdiri daripada pelbagai jenis bahan yang meliputi fail dan bukan fail serta 21,029 bahan arkib mengenai bahasa yang boleh diakses dan dirujuk oleh penyelidik dan orang awam.

PENUTUP

Dif-dif kehormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

11. Arkib Negara Malaysia sebagai salah sebuah agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyokong dan menyambut baik usaha pihak kerajaan untuk mengangkat warisan budaya negara sebagai pemangkin kepada perpaduan masyarakat sekali gus memperkukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Usaha yang kami lakukan ini bukan sahaja untuk mencapai visi Arkib Negara Malaysia, iaitu “Peneraju Pengurusan Rekod dan Pentadbiran Arkib Yang Inklusif” tetapi juga selari dengan gagasan Kementerian Perpaduan Negara untuk mengukuhkan dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat sebagaimana yang digarap dalam Teras 02 Identiti Nasional melalui Strategi 1: Mengukuhkan peranan bahasa sebagai medium integrasi perpaduan.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, suka saya ingatkan bahawa penting untuk kita menyebarkan dan berkongsi ilmu yang bakal kita peroleh sebentar lagi bersama-sama keluarga, rakan taulan mahupun saudara mara. Saya pasti banyak yang kita boleh teladani dari perkongsian tokoh-tokoh hebat yang akan berkongsi pengalaman, pengetahuan, penyelidikan dan pandangan mereka pada hari ini. Semoga segenap lapisan masyarakat dapat memanfaatkan ilmu yang diperoleh hari ini demi pemantapan jati diri, pengukuhan negara bangsa dan perpaduan kaum tanpa mengira warna kulit, etnik, suku kaum, bahasa dan agama.
13. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan program ini. Semoga segala usaha kita diberkati Allah Subhanahu wa Ta`ala.

Melompek-lompek si anak ruso,
Molihat kelkatu di dalam payo;
Maghilah mongangkek martabat bahaso,
Tekad di padu ke puncak jayo.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.